



PERJANJIAN
ANTARA
MONGOLIA
DENGAN
MALAYSIA
BAGI PENGALAKAN DAN PERLINDUNGAN PELABURAN

Mongolia dan Malaysia kemudian daripada ini disebut "Pihak-Pihak Pejanji";

Berhasrat untuk mengembangkan dan mendalamkan kerjasama ekonomi dan industri atas dasar jangka panjang, dan khususnya, untuk mewujudkan keadaan yang baik bagi pelaburan-pelaburan oleh pelabur-pelabur satu Pihak Pejanji dalam wilayah Pihak Pejanji yang satu lagi;

Menyedari keperluan untuk melindungi pelaburan-pelaburan oleh pelabur-pelabur kedua-dua Pihak Pejanji dan untuk menggalakkan aliran pelaburan pelaburan dan inisiatif perniagaan individu bagi kemajuan ekonomi kedua-dua Pihak Pejanji;

Telah bersetuju seperti yang berikut:



PERKARA 1

Takrif

1. Bagi maksud Perjanjian ini :

(a) "pelaburan-pelaburan" ertinya tiap-tiap jenis aset dan khususnya, termasuk, tetapi tidak terhad kepada:

i) harta alih dan tak alih dan apa-apa hak lain mengenai harta seperti gadai-janji, lien dan sandaran;

ii) syer, saham dan debentur syarikat atau kepentingan dalam harta syarikat itu;

iii) tuntutan terhadap wang atau tuntutan terhadap apa-apa pelaksanaan yang mempunyai nilai kewangan;

iv) hak-hak harta intelek dan perindustrian, termasuk hak-hak berkenaan dengan hakcipta, paten, cap dagangan, nama perdagangan, rekabentuk perindustrian, rahsia perdagangan, proses teknik dan kepakaran dan nama baik;

(v) di bawah kontrak, termasuk konsesi-konsesi untuk mencari, mengusahakan, mengeluarkan atau mengeksploit sumber-sumber alam;

(b) "pulangan" ertinya amaun yang diperolehi daripada suatu pelaburan dan khususnya, termasuk, tetapi tidak terhad kepada keuntungan faedah, laba modal, dividen, royalti atau fee;



(c) "pelabur" ertinya:

- (i) mana-mana orang sebenar yang memiliki kewarganegaraan atau yang bermastautin secara tetap dalam satu Pihak Pejanji mengikut undang-undangnya; atau
- (ii) mana-mana perbadanan, perkongsian, amanah, usahasama, organisasi, persatuan atau perusahaan yang diperbadankan atau ditubuhkan dengan sewajarnya mengikut undang-undang yang terpakai bagi Pihak Pejanji itu ;

(d) "wilayah" ertinya:

- (i) berkenaan dengan Mongolia, wilayah yang di atasnya Mongolia mempunyai kedaulatan atau bidang kuasa;
- (ii) berkenaan dengan Malaysia, semua wilayah darat yang termasuk dalam Persekutuan Malaysia, laut wilayahnya, dasar dan tanah bawahnya dan ruang udara di atas;

(e) "mata wang yang boleh digunakan dengan mudah" ertinya dolar Amerika Syarikat, pound sterling, Deutschemark, franc Perancis, yen Jepun, atau apa-apa mata wang lain yang digunakan secara meluas untuk membuat pembayaran bagi transaksi antarabangsa dan yang diniagakan secara meluas dalam pasaran-pasaran pertukaran utama antarabangsa.

2. (i) Istilah "pelaburan" yang disebutkan dalam perenggan 1(a) hendaklah hanya merujuk kepada semua pelaburan yang dibuat mengikut undang-undang, peraturan-peraturan dan dasar negara Pihak-Pihak Pejanji.



- (ii) Apa-apa perubahan tentang bentuk dalam mana aset-aset yang dilaburkan tidaklah menyentuh pengelasannya sebagai pelaburan, dengan syarat bahawa perubahan itu tidak bertentangan dengan kelulusan, jika ada, yang telah diberikan berkenaan dengan aset yang dilaburkan pada asalnya.

PERKARA 2

Penggalakan dan Perlindungan Pelaburan

1. Setiap Pihak Pejanji hendaklah menggalakkan dan mewujudkan keadaan yang baik bagi pelabur-pelabur Pihak Pejanji yang satu lagi untuk melaburkan modal di dalam wilayahnya dan, mengikut undang-undang, peraturan-peraturan dan dasar negaranya, hendaklah menerima masuk pelaburan-pelaburan itu.
2. Pelaburan oleh pelabur-pelabur setiap Pihak Pejanji hendaklah pada setiap masa diberikan layanan yang adil dan saksama dan hendaklah menikmati perlindungan dan jaminan sepenuhnya dalam wilayah Pihak Pejanji yang satu lagi.

PERKARA 3

Peruntukan-peruntukan Negara Paling Diutamakan

1. Pelaburan-pelaburan yang dibuat oleh pelabur-pelabur salah satu Pihak Pejanji di dalam wilayah Pihak Pejanji yang satu lagi hendaklah menerima layanan yang adil dan saksama, dan yang tidak kurang baiknya daripada layanan yang diberikan kepada pelaburan-pelaburan yang dibuat oleh pelabur-pelabur mana-mana Negara ketiga.



2. Setiap Pihak Pejanji hendaklah di dalam wilayahnya memberikan pelabur-pelabur Pihak Pejanji yang satu lagi, berkenaan dengan pengurusan, penyelenggaraan, penggunaan, penikmatan atau pelupusan pelaburan-pelaburan mereka, layanan yang adli dan saksama dan tidak kurang baiknya daripada layanan yang diberikan kepada pelabur-pelabur mana-mana Negara Ketiga.

3. Peruntukan-peruntukan Perjanjian ini yang berhubungan dengan pemberian layanan yang tidak kurang baiknya daripada layanan diberikan kepada pelabur-pelabur mana-mana Negara ketiga hendaklah tidak boleh ditafsirkan sebagai mewajibkan satu Pihak Pejanji supaya memberi kepada pelabur-pelabur Pihak Pejanji yang satu lagi faedah apa-apa layanan, keutamaan atau keistimewaan hasil daripada:

- (a) apa-apa kesatuan kastam atau kawasan perdagangan bebas yang sedia ada atau yang akan ada atau sesuatu pasaran bersama atau sesuatu kesatuan kewangan atau perjanjian antarabangsa yang serupa atau bentuk-bentuk lain kerjasama serantau yang kepadanya salah satu Pihak Pejanji itu adalah atau mungkin menjadi suatu pihak; atau penerima pakalan sesuatu perjanjian yang dimaksudkan untuk membawa kepada pembentukan atau peluasan kesatuan atau kawasan sedemikian dalam jangka masa yang munasabah; atau
- (b) apa-apa perjanjian atau perkiraan antarabangsa yang berhubungan secara keseluruhannya atau sebahagian besarnya dengan pencukalan atau apa-apa perundangan domestik yang berhubungan secara keseluruhannya atau sebahagian besarnya dengan pencukalan.



PERKARA 4

Pampasan Bagi Kerugian

Pelabur-pelabur satu Pihak Pejanji yang pelaburan-pelaburannya di dalam wilayah Pihak Pejanji yang satu lagi mengalami kerugian disebabkan peperangan atau konflik bersenjata lain, revolusi, keadaan darurat negara, pemberontakan, penderhakaan atau rusuhan di dalam wilayah Pihak Pejanji yang disebut kemudian itu hendaklah diberi oleh Pihak Pejanji yang disebut kemudian itu layanan, berkenaan dengan restitusi, penanggungan rugi, pampasan atau penyelesaian lain, yang tidak kurang baiknya daripada layanan yang diberikan oleh Pihak Pejanji yang disebut kemudian itu kepada pelabur-pelabur mana-mana Negara Ketiga.

PERKARA 5

Ekspropriasi

1. Tiada satu pun Pihak Pejanji boleh mengambil apa-apa langkah ekspropriasi atau pemilikan-negaraan terhadap pelaburan-pelaburan seseorang pelabur Pihak Pejanji yang satu lagi kecuali di bawah syarat-syarat yang berikut:

- (a) langkah-langkah itu diambil bagi suatu maksud yang sah atau maksud awam dan di bawah proses undang-undang yang wajar;
- (b) langkah-langkah itu tidak berdiskriminasi;



- (c) langkah-langkah itu disertai dengan peruntukan-peruntukan untuk pembayaran pampasan yang segera, mencukupi dan berkesan. Pampasan itu hendaklah sama dengan nilai pasaran pelaburan-pelaburan yang terlibat sebelum sahaja langkah penyingkiran milik diketahui umum, dan ia hendaklah boleh dipindahkan secara bebas dalam mata wang yang boleh digunakan dengan mudah dari Pihak Pejanji. Apa-apa kelengahan tidak munasabah dalam pembayaran pampasan hendaklah dikenakan bunga yang sesuai mengikut kadar munasabah komersil sedia ada sebagaimana yang dipersetujui oleh kedua-dua pihak kecuali kadar tersebut ditetapkan oleh undang-undang.

2. Pelabur yang terjejas hendaklah mempunyai hak menyebabkan kajian semula oleh pihak berkuasa kehakiman atau pihak berkuasa bebas yang lain Pihak Pejanji itu, mengenai kesnya dan mengenai penilaian pelaburannya mengikut prinsip-prinsip yang dinyatakan dalam artikel ini.

PERKARA 6

Repatriasi Pelaburan

1. Setiap Pihak Pejanji hendaklah, tertakluk kepada undang-undang, peraturan-peraturan dan dasar-dasar negaranya membenarkan tanpa kelengahan yang tidak munasabah pemindahan ke dalam mana-mana mata wang boleh digunakan dengan mudah:

- (a) keuntungan bersih, dividen, royalti, bantuan teknik dan fee teknik, bunga dan pendapatan semasa yang lain, yang terakru daripada apa-apa pelaburan pelabur-pelabur Pihak Pejanji yang satu lagi;



- (b) hasil daripada likuidasi sepenuhnya atau sebahagian dari apa-apa pelaburan yang dibuat oleh pelabur-pelabur Pihak Pejanji yang satu lagi;
- (c) wang sebagai pembayaran balik peminjaman pinjaman yang diberikan oleh pelabur-pelabur satu Pihak Pejanji yang telah diiktiraf oleh kedua-dua Pihak Pejanji sebagai pelaburan-pelaburan; dan
- (d) pendapatan bersih dan pampasan lain pelabur-pelabur dari satu Pihak Pejanji yang diambil bekerja dan dibenarkan untuk bekerja berkaitan dengan sesuatu pelaburan dalam wilayah Pihak Pejanji yang satu lagi.

2. Kadar pertukaran yang terpakai bagi pemindahan dalam perenggan 1 Perkara ini hendaklah kadar pertukaran yang terpakai semasa membuat remitan.

3. Pihak-Pihak Pejanji mengakujaji untuk memberi pemindahan yang disebut dalam perenggan 1 Perkara ini layanan yang sama baiknya seperti layanan yang diberikan kepada pemindahan yang berpunca daripada pelaburan-pelaburan yang dibuat oleh pelabur-pelabur mana-mana Negara ketiga.



PERKARA 7

Penyelesaian Pertikaian Pelaburan Antara Suatu Pihak Pejanji Dengan Seorang Pelabur Pihak Pejanji Yang Satu lagi

1. Setiap Pihak Pejanji bersetuju untuk mengemukakan kepada Pusat Antarabangsa bagi Penyelesaian Pertikaian Pelaburan (kemudian daripada ini disebut sebagai "Pusat") bagi penyelesaian secara perdamaian atau timbangtara di bawah Konvensyen mengenai Penyelesaian Pertikaian Pelaburan antara Negara-Negara dengan Rakyat Negara-Negara lain yang dibuka untuk ditandatangani di Washington D.C. pada 18 Mac 1965 apa-apa pertikaian yang timbul antara Pihak Pejanji itu dengan pelabur Pihak Pejanji yang satu lagi yang melibatkan:

- (i) sesuatu obligasi yang dibuat oleh Pihak Pejanji itu dengan pelabur Pihak Pejanji yang satu lagi mengenai sesuatu pelaburan oleh pelabur itu; atau
- (ii) sesuatu yang dikatakan pelanggaran apa-apa hak yang diberikan atau diwujudkan oleh Perjanjian ini berkenaan dengan sesuatu pelaburan oleh pelabur itu.

2. Sesuatu syarikat yang diperbadankan atau ditubuhkan di bawah undang-undang yang sedang berkuatkuasa dalam wilayah satu Pihak Pejanji dan yang sebelum pertikaian sedemikian timbul majoriti syernya dipunyai oleh pelabur-pelabur Pihak Pejanji yang satu lagi hendaklah mengikut Perkara 25(2)(b) Konvensyen dikira bagi maksud-maksud Konvensyen ini sebagai syarikat Pihak Pejanji yang satu lagi.



3. (i) Jika apa-apa pertikaian daripada jenis yang disebut dalam perenggan 1 timbul, Pihak Pejanji dan pelabur yang berkenaan hendaklah berusaha untuk menyelesaikan pertikaian itu melalui perundingan dan kira bicara. Jika pertikaian itu tidak boleh diselesaikan sedemikian dalam masa tiga (3) bulan, maka jika pelabur yang berkenaan juga bersetuju secara bertulis untuk mengemukakan pertikaian itu kepada Pusat bagi penyelesaian secara perdamaian atau timbangtara di bawah Konvensyen itu, salah satu Pihak Pejanji kepada pertikaian itu boleh memulakan prosiding dengan mengutuskan suatu permintaan bagi maksud itu kepada Setiausaha Agung Pusat sebagaimana yang dinyatakan dalam Perkara 28 dan 36 Konvensyen itu, dengan syarat bahawa pelabur yang berkenaan belum mengemukakan pertikaian itu kepada mahkamah-mahkamah keadilan atau tribunal-tribunal pentadbiran atau agensi-agensi yang mempunyai bidang kuasa kompeten bagi Pihak Pejanji yang menjadi pihak kepada pertikaian itu.
- (ii) Sekiranya terdapat perselisihan tentang sama ada perdamaian atau timbangtara adalah prosedur yang lebih sesuai, pendapat pelabur yang berkenaan hendaklah dipakai. Pihak Pejanji yang menjadi suatu pihak kepada pertikaian itu tidak boleh membangkitkan sebagai suatu bantahan, pembelaan, atau hak tolakan pada mana-mana peringkat prosiding atau penguatkuasaan sesuatu award hakikat bahawa pelabur yang menjadi pihak yang satu lagi kepada pertikaian itu telah menerima atau akan menerima, menurut suatu kontrak insurans atau gerenti, suatu tanggung rugi atau pampasan lain bagi kesemua atau sebahagian daripada kerugian atau kerosakannya.



4. Tiada satu pun Pihak Pejanji boleh membawa melalui saluran diplomatik apa-apa pertikaian yang dirujukkan kepada Pusat melainkan jika :

- (i) Setiausaha Agung Pusat, atau suatu suruhanjaya pendamaian atau tribunal timbangtara yang ditubuhkan olehnya, memutuskan bahawa pertikaian itu tidak termasuk dalam bidang kuasa Pusat; atau
- (ii) Pihak Pejanji yang satu lagi tidak mengikuti atau mematuhi apa-apa award yang diberikan oleh sesuatu tribunal timbangtara.

PERKARA 8

Penyelesaian Pertikaian Antara Pihak-Pihak Pejanji

1. Pertikaian di antara Pihak-Pihak Pejanji berkenaan dengan tafsiran atau pemakaian Perjanjian ini hendaklah, jika boleh, diselesaikan melalui saluran diplomatik.
2. Jika suatu pertikaian di antara Pihak-Pihak Pejanji tidak boleh diselesaikan sedemikian, maka pertikaian itu hendaklah atas permintaan salah satu Pihak Pejanji dikemukakan kepada suatu tribunal timbangtara.
3. Tribunal timbangtara itu hendaklah ditubuhkan bagi setiap kes berasingan mengikut cara yang berikut. Dalam masa dua bulan selepas permintaan untuk timbangtara diterima, setiap Pihak Pejanji hendaklah melantik seorang anggota tribunal. Kedua-dua anggota itu hendaklah pula memilih seorang rakyat suatu Negara ketiga yang setelah diluluskan oleh kedua-dua Pihak Pejanji hendaklah dilantik sebagai Pengerusi tribunal. Pengerusi itu hendaklah dilantik dalam masa dua (2) bulan dari tarikh perlantikan dua orang anggota lain itu.



4. Jika dalam tempoh yang dinyatakan dalam perenggan 3 Perkara ini perlantikan-perlantikan yang perlu tidak dibuat, maka salah satu Pihak Pejanji boleh, jika tidak ada apa-apa perjanjian lain, mengundang Yang Dipertua Mahkamah Keadilan Antarabangsa untuk membuat apa-apa perlantikan yang perlu. Jika Yang Dipertua ialah rakyat salah satu Pihak Pejanji atau jika dia selainnya terhalang daripada melaksanakan fungsi tersebut, Naib Yang Dipertua hendaklah diundang untuk membuat perlantikan-perlantikan yang perlu. Jika Naib Yang Dipertua itu ialah rakyat salah satu Pihak Pejanji atau jika dia juga terhalang daripada melaksanakan fungsi tersebut, anggota-anggota Mahkamah Keadilan Antarabangsa yang terkanan selepasnya yang bukan rakyat salah satu Pihak Pejanji hendaklah diundang untuk membuat perlantikan-perlantikan yang perlu.

5. Tribunal timbangtara hendaklah mencapai keputusannya mengikut undi lebih suara. Keputusan itu hendaklah mengikat kedua-dua Pihak Pejanji. Setiap Pihak Pejanji hendaklah menanggung kos anggotanya sendiri dalam tribunal dan kos perwakilannya dalam prosiding timbangtara; kos Pengerusi dan baki kos hendaklah ditanggung sama banyak oleh Pihak-Pihak Pejanji. Bagaimanapun, tribunal boleh, dalam keputusannya mengarahkan supaya suatu bahagian kos yang lebih tinggi hendaklah ditanggung oleh satu daripada dua Pihak Pejanji itu, dan award ini hendaklah mengikat kedua-dua Pihak Pejanji. Tribunal hendaklah menentukan prosedurnya sendiri.



PERKARA 9

Subrogasi

1. Jika suatu Pihak Pejanji atau agensinya yang ditetapkan membuat pembayaran kepada pelabur-pelaburnya sendiri di bawah suatu gerenti yang telah diberikan olehnya berkenaan dengan sesuatu pelaburan di dalam wilayah Pihak Pejanji yang satu lagi, Pihak Pejanji terkemudian hendaklah mengiktiraf:

(a) penyerahan hak, sama ada di bawah undang-undang atau menurut sesuatu transaksi undang-undang dalam negara itu, akan apa-apa hak atau tuntutan oleh pelabur kepada Pihak Pejanji terdahulu, serta juga,

(b) bahawa Pihak Pejanji terdahulu atau agensinya yang ditetapkan itu berhak oleh sebab subrogasi untuk menjalankan hak-hak dan menguatkuasakan tuntutan-tuntutan pelabur itu dan hendaklah mengambil alih obligasi-obligasi berhubungan dengan pelaburan itu.

2. Hak-hak atau tuntutan-tuntutan yang disubrogasikan tidak boleh melebihi hak-hak atau tuntutan-tuntutan asal pelabur itu.



PERKARA 10

Pemakalan bagi Pelaburan-Pelaburan

Perjanjian ini adalah terpakai bagi pelaburan-pelaburan yang dibuat dalam wilayah salah satu Pihak Pejanji mengikut perundangan, peraturan-peraturannya atau dasar negara oleh pelabur-pelabur Pihak Pejanji yang satu lagi sebelum dan juga selepas mula berkuatkuasanya Perjanjian ini. Walau bagaimanapun peruntukan-peruntukan perjanjian ini tidaklah terpakai kepada apa-apa pertikaian, tuntutan atau pertelingkahan yang timbul sebelum ia mula berkuatkuasa.

PERKARA 11

Pindaan

Perjanjian ini boleh dipinda dengan persetujuan bersama kedua-dua Pihak Pejanji pada bila-bila masa selepas ianya dikuatkuasakan. Sebarang pindaan atau perubahan Perjanjian ini hendaklah diuruskan tanpa prejudis kepada hak-hak dan obligasi-obligasi yang timbul dari perjanjian ini sebelum tarikh pindaan atau perubahan sehingga hak-hak dan obligasi-obligasi dilaksanakan sepenuhnya.

PERKARA 12

Mula Berkuatkuasa, Tempoh dan Penamatan

1. Perjanjian ini hendaklah mula berkuatkuasa tiga puluh (30) hari selepas tarikh terkemudian Kerajaan Pihak-Pihak Pejanji memberitahu satu sama lain bahawa kehendak-kehendak perlembagaan mereka bagi mula berkuatkuasanya Perjanjian ini telah dipenuhi. Tarikh terkemudian adalah merujuk kepada tarikh surat pemberitahuan yang terakhir dihantar.



2. Perjanjian ini hendaklah berkuatkuasa selama tempoh sepuluh (10) tahun, dan hendaklah terus berkuatkuasa, melainkan jika ditamatkan mengikut perenggan 3 Perkara ini.

3. Salah satu Pihak Pejanji boleh dengan memberikan notis bertulis satu (1) tahun kepada Pihak Pejanji yang satu lagi, menamatkan Perjanjian ini pada akhir tempoh sepuluh (10) tahun yang mula-mula itu atau pada bila-bila masa selepas itu.

4. Berkenaan dengan pelaburan-pelaburan yang dibuat atau yang diperolehi sebelum tarikh penamatan Perjanjian ini, peruntukan-peruntukan semua Perkara lain dalam Perjanjian ini hendaklah terus berkuatkuasa selama tempoh sepuluh (10) tahun dari tarikh penamatan itu.

PADA MENYAKSIKAN HAL DI ATAS, yang bertandatangan di bawah ini, yang diberikuasa dengan sewajarnya oleh Kerajaan mereka masing-masing, telah menandatangani Perjanjian ini.

Dibuat dalam dua salinan di Kuala Lumpur pada 27 haribulan Julai 1995 dalam Bahasa Mongolia, Malaysia dan Inggeris, dan kesemua teks adalah sama sahinya. Jika terdapat perbezaan dalam pentafsiran, teks Inggeris hendaklah terpakai.

BAGI KERAJAAN
MONGOLIA

BAGI KERAJAAN
MALAYSIA